



12 JUL, 2025

Data lepasan SPM dijual secara haram

Kosmo, Malaysia

UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Page 1 of 3

Data lepasan SPM dijual secara haram

- Ejen bebas 'buat duit' menerusi penganjuran karnival, seminar
- Dagang nombor telefon, e-emel, ibu bapa turut terkena tempias

Oleh MUHAMMAD AYMAN CHAFFA dan SAFINA RAMLI

KOTA BHARU — Terkejut tiba-tiba dapat panggilan mengenai tawaran belajar di institusi pendidikan yang tidak pernah dipohon langsung.

Sejak beberapa tahun lalu, lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau ibu bapa mereka se-

ring dihujani pelbagai tawaran melanjutkan pelajaran selepas peperiksaan tingkatan lima itu.

Ibu bapa sendiri bingung bagaimana data peribadi mereka boleh diketahui pihak luar yang sepatutnya rahsia.

Maklumat peribadi lepasan SPM dijual pihak tertentu terutama kolej swasta yang berusaha mendapatkan pelajar.

» BERSAMBUNG DI MUKA 2



12 JUL, 2025

Data lepasan SPM dijual secara haram

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 3

Data lepasan SPM dijual secara haram

DARI MUKA 1

Mendedahkan perkara itu, Pensyarah Kanan Fakulti Sains Komputer dan Matematik, Universiti Teknologi Mara Kampus Kota Bharu, Prof. Madya Dr. Syerina Azlin Md. Nasir berkata, biasanya ejen bebas itu memperoleh data pelajar melalui karnival pendidikan, program dan seminar berbentuk pendidikan yang disertai calon SPM atau Sijil Tinggi Perselokahan Malaysia (STPM).

Katanya, menerusi program itu, ada ejen tidak bertanggungjawab bertindak menjual nombor telefon, e-mel dan alamat pelajar kepada pihak-pihak tertentu.

"Karnival dan program ini dijalankan secara sah. Bagaimanapun, ejen-ejen bebas yang tidak bertanggungjawab menggunakan peluang itu untuk 'mencuri' maklumat pelajar.

"Selain mencari maklumat pelajar, ejen-ejen itu turut bertindak sebagai pegawai pemasaran untuk IPTS dan kolej tertentu. Jadi, maklumat lepasan SPM dan STPM ini ibarat peluang berharga untuk mereka," katanya kepada Kosmo baru-baru ini.


Menurut Syerina Azlin, penjualan data itu dibuat tanpa pengetahuan pihak pengajar.

Jelasnya, ejen tidak bertanggungjawab itu dipercaya menerima komisen hasil penjualan data pelajar, namun tidak dapat dipastikan nilainya.

"Pada era moden ini, data peribadi seseorang amat berharga. Pelbagai perkara boleh dilakukan sama ada untuk kebaikan atau sebaliknya.

"Selain itu, ibu bapa dan pelajar juga boleh terjerat dengan tawaran pengajian melalui laman-laman web palsu yang direka untuk 'mencuri' maklumat secara dalam talian.

"Ini merupakan modus operandi pihak tertentu untuk 'me-



CALON SPM antara yang menjadi mangsa penjualan data peribadi oleh pihak tidak bertanggungjawab yang mendapatkan maklumat mereka menerusi pengajuran seminar dan program secara sah.

mancing' data pelajar. Maklumat peribadi juga boleh dikumpul melalui pendaftaran secara Google Form yang disediakan di laman web tersebut," katanya.

Beliau berkata, platform dalam talian yang mengandungi data pelajar turut berisiko

odigamai pihak tertentu menyebabkan berlakunya kebocoran maklumat sekiranya sistem keselamatan belum kukuh sepe-

nuhnya.

"Sejauh itu, ada pihak tidak

bertanggungjawab menjadikan media sosial sebagai platform

untuk 'mencuri' maklumat per-

badi pelajar.

"Justeru, semua pihak dinasi-

hatkan supaya berhati-hati seki-

ranyan mahu berkongsi dan membuat hantaran di media sosial," katanya.

Sementara itu, Pengurus Keilmuan Nasional Pulau Pinang, Azdy Mohd. Arshad menyifatkan tindakan pihak tertentu memperoleh data pelajar dan ibu bapa tanpa kebenaran sebagai pencerobohan privasi serius.

Tindakan IPTS menghubungi ibu bapa dan lepasan SPM secara langsung bagi mempromosikan pengajian bukan sahaja tidak beretika, malah jelas melanggar hak privasi individu.

"Tindakan sebegini sangat tidak bertanggungjawab. Ia melibatkan pencerobohan data peribadi dan satu bentuk je-

nayah siber yang sepatutnya sudah lama ditangani dengan tegas oleh kerajaan.

"Saya sendiri pernah dihubungi oleh beberapa IPTS untuk mempromosi kursus yang ditarikhkan di situ," katanya.

Menurut beliau, isu penyalahgunaan data peribadi bukan perkara baru dan berlari dari sekian lama, namun belum ada tindakan berkesan diambil oleh pihak berwajib.

Beliau tidak menolak ada pihak yang mengambil kesempatan mengait keuntungan melalui penjualan data peribadi, termasuk maklumat pelajar sekolah dan ibu bapa.

"Ini bukan soal panggilan pro-

mosi semata-mata, tapi satu bentuk perniagaan data yang membimbangkan. Jika dibiarkan, kita kuatir bukan sahaja nombor telefon, malah maklumat peribadi lain akan turut diperdagangkan," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau menggesa kerajaan menambah baik dan memperkasa Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 bagi mendakwa mereka yang terlibat dalam jenayah tersebut.

Tambahnya, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Jabatan Perlindungan Data Peribadi perlu lebih proaktif dalam memantau, menyiasat dan mengambil tindakan ke atas aduan yang diterima.



12 JUL, 2025

Data lepasan SPM dijual secara haram

Kosmo, Malaysia



Page 3 of 3

SUMMARIES

- Ejen bebas'buat duit' menerusi penganjuran karnival, seminar • Dagangnombor telefon, e-emel, ibubapaturut terkenatempias

Oleh MUHAMMAD AYMAN CHAFFA dan SAFIN A RAMLI KOTA BHARU - Terkejut tiba-tiba dapat panggilan mengenai tawaran belajar di institusi pendidikan yang tidak pernah dipohon langsung. Sejak beberapa tahun lalu, lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau ibu bapa mereka sering

dihujani pelbagai tawaran melanjutkan pelajaran selepas peperiksaan tingkatan lima itu.